SAMPEL PERCUMA

Trial STPM 2018 Sejarah Semester 1 Muar + Skema

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Sejarah

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

940/1 **----------**

SEJARAH 940/1
SEJARAH DUNIA (1500 – 1955)
KERTAS 1
(Dua jam)

PEPERIKSAAN PERCUBAAN PENGGAL 1

TAHUN 2018

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA
(MALAYSIA HIGHER SCHOOL CERTIFICATE)

Arahan kepada calon :

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN

Jawab **empat** *soalan sahaja*

Markah untuk tiap-tiap soalan diberikan dalam tanda kurung [ ]

Kertas soalan ini terdiri daripada 2 halaman bercetak.

[Lihat sebelah*
Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

Jawab **empat** soalan sahaja.

1. Bincangkan ciri-ciri masyarakat agraria di Belanda pada abad ke-16 hingga abad ke-17. (20 markah)

2. Sejauhmanakah kemajuan kegiatan industri Jepun bermula pada abad ke-19 yang dicetuskan oleh Maharaja Meiji ?
(20 markah)

3. Pengasingan kuasa dan amalan demokrasi merupakan ciri utama dalam pemerintahan negara Persekutuan Amerika Syarikat pada abad ke-19 dan 20. Bincangkan.
(20 markah)

4. Nilaikan sumbangan Jean Jacques Rousseau dalam bidang intelektual hingga membawa kepada Revolusi Peranchis pada abad ke 18 hingga 19.
(20 markah)

5. Sejaumanakan dasar pemerintahan British merupakan faktor kepada kebangkitan nasionalisme di India pada abad ke-20.
(20 markah)

6. Jelaskan penglibatan United Kingdom dan Amerika Syarikat dalam NATO selepas penubuhannya. (20 markah)

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan ini tamat.
SULIT*

CADANGAN SKIMA JAWAPAN PERCUBAAN STPM PENGGAL 1 2018

SOALAN 1 :

Bincangkan ciri-ciri masyarakat agraria di Belanda pada abad ke-16 dan abad ke-17 Masihi.

Jawapan

Pendahuluan

Kemajuan pesat dalam bidang pertanian menyebabkan lahir masyarakat agrarian di negara Belanda pada abad ke-16 dan 17 Masihi. Masyarakat agraria di Belanda tinggal di kawasan pedalaman termasuk kawasan-kawasan pertanian yang subur. Mereka melibatkan diri dalam kegiatan yang berasaskan kepada aktiviti pertanian dan penternakan. Pada abad ke-16 dan 17, Belanda mengalami perubahan politik dan ekonomi selepas berjaya melepaskan cengkaman pemerintahan Raja Philip II dari Sepanyol. Perkembangan ini memperlihatkan bahawa kerajaan Belanda memainkan peranan yang besar dan secara langsung dalam perkembangan ekonomi sehingga masyarakat agraria yang miskin berubah kepada masyarakat agraria yang maju pada abad ke-17. Masyarakat agraria ini memberi keutamaan kepada aktiviti bercucuk tanam, penternakan dan perikanan sebagai sumber ekonomi mereka.

CIRI CIRI MASYARAKAT AGRARIA BELANDA

Isi 1 – Kegiatan Ekonomi

Pada abad ke-16, masyarakat agrarian di utara Belanda mengusahakan ekonomi utama dalam bidang pertanian dan perikanan. Aktiviti pertanian meliputi penanaman pelbagai jenis tanaman sayur-sayuran seperti bawang, ketumbar, lobak dan teasel serta bijirin seperti barli, gandum dan oat. Masyarakat petani ini mengusahakan pertanian secara kecil-kecilan untuk dijual di pasar tempatan dan dipasarkan ke bandar lain di Belanda. Menjelang akhir abad ke-16, petani Belanda menghasilkan gandum antara 1150 kilogram hingga 1900 kilogram bagi setiap hektar. Selain itu, tanaman seperti kobis, kekacang dan bunga-bungaan turut diusahakan. Tanaman jagung pula dusahakan di Amsterdam. Hasil pertanian ini telah dieksport ke luar negara. Tanaman dagang seperti hem, biji kol dan mader juga diusahakan di Zeeland dan Bogaurden. Masyarakat Belanda juga menanam bunga secara meluas pada abad ke-17 seperti bunga tulip dan hop yang di tanam di sepanjang Sungai Maas berikutan permintaan yang tinggi di pasaran. Masyarakat Belanda juga menternak binatang secara meluas seperti lembu dan kambing di kawasan Friesland untuk daging dan hasil tenusu. Industri perikanan juga penting di Belanda dan dianggarkan satu per lima penduduk terlibat selain industri pembinaan kapal. Masyarakat Belanda juga terlibat dalam industri tenusu seperti menghasilkan keju dan mentega. Jelas pertanian merupakan kegiatan ekonomi utama di Belanda.

kekacang berselang dengan tanaman bijirin Selain sistem ini, sistem batas juga diperkanalkan. Sistem menanam dengan membuat batas memudahkan saliran. Kedudukan batas juga diubah setiap tahun supaya tanaman tumbuh dengan subur dan mengekalkan kesuburan tanah. Sistem ini menggalakkan penanaman dalam jajaran. Satu lagi sistem penanaman yang diperkenalkan ialah penanaman deretan. Antara tanaman yang ditanam secara deretan ialah jagung, madder, hop, dan cole. Penanaman di atas alur yang dibuat menyebabkan kemunculan amalan sistem deretan. Pertambahan produktiviti dalam pertanian telah menambahkan bekalan makanan antara tahun 1550 hingga 1650. Penduduk Belanda juga mnencapai dua juta orang. Ahli sains di Belanda juga kerap menjalankan penyelidikan untuk memajukan bidang pertanian seperti penciptaan baja kimia, penghasilan biji benih yang bermutu tinggi dan penggunaan rumah hijau untuk penanaman sayuran dan buah-buah yang segar dan berkualiti. Oleh itu kemajuan teknologi membantu meningkatkan ekonomi pertanian di Belanda.

Isi 5 – Kemajuan Teknologi Pertanian

Masyarakat Belanda juga mencapai kemajuan dalam teknologi pertanian. Mereka mencipta pelbagai jenis peralatan untuk kegunaan pertanian secara skala besar. Sebagai contoh, penciptaan tenggala beroda adalah untuk memugar dan membajak tanah pertanian.Terdapat juga mesin untuk menampi bijirin. Selain itu, mereka juga melakukan aktiviti tebus guna tanah dan penambakan tanah laut untuk dijadikan kawasan pertanian dengan mengeringkan kawasan tambakan laut menggunakan kincir angin dan daik seperti yang berjaya dijalankan oleh Jan Adriaanszoon pada tahun 1600-an. Menjelang abad ke-17, 49% wilayah Zeeland ditebus guna untuk pertanian. Pada tahun 1612, Tasik Beemster telah berjaya dikeringkan membentuk sebuah dataran baharu yang dikenali sebagai Beemster Polder. Terdapat kajian pertanian seperti kajian penanaman rumput jenis Clover, Lucerne dan Burnet untuk ternakan pada tanah-tanah rang. Ini menunjukkan masyarakat Belanda telah mencapai kemajuan pertanian secara moden dan produktif.

Kesimpulan

Kesimpulannya, masyarakat agrarian di Belanda menjalankan ekonomi berasaskan pertanian, penternakan, industri swasta dan pertanian. Perkembangan ekonomi pertanian telah membawa kepada kemunculan ekonomi perdagangan di Belanda menjelang abad ke-18 dan menjadi inspirasi kepada masyarakat petani di negera-negara lain di Eropah.

membina landasan-landasan kereta api sepanjang 26 batu pada tahun 1872 yang menghubungkan Tokyo dan Yokohama. Manakala pada thun 1874, landasan kereta api menghubungkan Kobe dan Osaka dan seterusnya diperluaskan ke Kyoto pada tahun 1877. Selain itu, landasan kereta api telah diteruska lagi dengan menghubungkan Kyoto dengan Otsu, Tsuruga dan Nagahama pada tahun 1878 Kemajuan dalam bidang pengangkutan telah Berjaya merangsang perkembangan sektor perindustrian di Jepun

Isi 3 - Kemudahan Sistem Perhubungan

Perkembangan pesat dalam sektor perindustrian di Jepun di dorong oleh **kemajuan dalam bidang perhubungan**. Kerajaan Jepun mengambil langkah untuk membangunkan sistem perhubungan seperti perkhidmatan telegraf. Talian telegraf dibina untuk memudahkan perhubungan dan komunikasi. Stesen-stesen telegraf dan talian telegraf dibina di seluruh negara Jepun. . Sebagai contoh pada tahun 1863, kawat telegraf telah dibina sepanjang 4000 batu di seluruh Jepun. Kemajuan sistem telegraf telah membantu pembangunan sektor perindustrian dan modenisasi di Jepun

Isi 4 - Kemajuan Sistem Perbankan

Perkembangan dalam sektor perindustrian disebabkan oleh **pengurusan sistem kewangan** yang teratur dan sistematik di Jepun. Perkembangan pesat dalam bidang ekonomi menyebabkan mata wang diperkenalkan dan bank ditubuhkan. Pada tahun 1872, Mitsu-Ono Bank ditubuhkan. Pada tahun 1873, Bank Negara ditubuhkan berasaskan model bank di Amerika Syarikat. Menjelang tahun 1882, bank pusat Jepun ditubuhkan dan bank ini menjadi agensi kewangan utama kerajaan. Pada tahun 1868, unit mata wang kertas ditukar dari ryo kepada yen. Pada tahun 1880, bank Yokohama Specie muncul sebagai bank asing utama di Jepun. Pada tahun 1896, kerajaan menubuhkan bank Hypothec. Bank Hypoyhec berperanan sebagai bank pusat bagi bank-bank pertnian dan perindustrian di 47 buah wilayah di Jepun. Secara keseluruhan terdapat lebih 200 buah bank di Jepun dan berperanan membantu pertumbuhan perindustrian. Oleh itu sistem bank amat membantu kepesatan industri di Jepun dari segi penawaran modal dan urusniaga mata wang.

- Bukti kebebasan dan ketelusan badan ini ialah jika Presiden dan ahli Kongres melanggar perlembagaan.
- Jelas badan kehakiman membantu menegakkan keadilan untuk rakyat dalam sebuah negara yang memperjuangkan amalan demokrasi.

6. Pemerintahan dan amalan demokrasi

- Pembentukan Amerika Syarikat adalah berasaskan amalan demokrasi
- Dibuktikan melalui pelaksanaan pilihan raya umum bagi memilih Presiden dan ahli- ahli Kongres
- Parti Republikan dan Federealis telah bertanding untuk memilih presiden
- Amalan demokrasi membolehkan pemindahan kuasa secara aman
- Jelas amalan demokrasi menunjukkan bahawa rakyat berhak memilik wakil pemimpin yang berjuang untuk mempertahankan hak rakyat.

KESIMPULAN

- Perlembagaan Amerika Syarikat telah menggariskan secara terperinci badan-badan yang memerintah Amerika Syarikat.
- Sistem persekutuan juga memperuntukkan kuasa kepada Presiden membatalkan undang –undang dengan menggunakan kuasa veto dan boleh mengawasi Kongres
- Kerajaan persekutuan Amerika Syarikat menjadi sebuah negara yang berjaya serta dapat mengawal kedudukan ekonomi dan politik antarabangsa.

(Jawapan yang memenuhi kehendak soalan ini mesti merangkumi aspek pembahagian kuasa dan pemerintahan demokrasi)

Soalan 5:

Sejaumanakah Dasar Pemerintahan British merupakan faktor Kebangkitan Nasionalisme di India Pada Abad Ke-20.

Pengenalan.

Kebangkitan kesedaran kebangsaan dalam kalangan rakyat India bermula sejak tahun 1857 lagi iaitu dengan kemunculan pertubuhan-pertubuhan sosioagama. Pertubuhan-pertubuhan ini membangkitkan kesedaran kebangsaan melalui pembaharuan sosial.Selain itu, dasar pentadbiran serta amalan diskriminasi British dalam pentadbiran, pendidikan, ekonomi dan perkhidmatan awam turut membangkitkan semangat nasionalisme dalam kalangan penduduk tempatan di India.

Isi-isi Penting

1. Dasar Pendidikan Barat.

Pendidikan barat yang diperkenalkan di India melahirkan ramai golongan cerdik pandai .Mereka yang berpendidikan ini terdedah kepada konsep-konsep seperti kebebasan, demokrasi, persamaan dan hak asasi manusia.Perkembangan ini melahirkan tokoh-tokoh nasionalis yang memainkan peranan dalam gerakan kebangsaan di India. Tokoh-tokoh tersebut ialah Raja Ram Mohan Roy, W.C.Banerjee, Surendranath Banerjee, G.K. Gokhale. Namun diskriminasi dalam dasar pemerintahan Inggeris menimbulkan semangat nasionalis kerana rakyat yang berpendidikan masih tidak diberi peluang dalam pentadbiran.

2. Dasar Pengenalan Bahasa Inggeris

Bahasa Inggeris memainkan peranan membangkitkan kesedaran kebangsaan. Di India lebih kurang 600 bahasa daerah yang dituturkan menjadi batu penghalang untuk memupuk persafahaman. Bahasa Inggeris juga memainkan peranan sebagai alat perpaduan yang menyatukan rakyat India yang terpisah dari segi agama, bangsa dan wilayah. Jelas isu bahasa Inggeris telah memupuk semangat nasionalisme untuk memudahkan media perhubungan antara penduduk di India.

TAMBAHAN : TAJUK PENTING 2018

Soalan 1

Jelaskan Penglibatan United Kingdom dalam Komanwel Selepas Penubuhannya

Pedahuluan:

Komanwel merupakan sebuah pertubuhan negara-negara bekas tanah jajahan British yang telah mencapai kemerdekaan. Pertubuhan ini ditubuhkan pada tahun 1931 dan Raja British dianggap sebagai Ketua Komanwel. Terdapat beberapa peranan United Kingdom dalam Komanwel antaranya sebagai pengasas komanwel, memberi bantuan ekonomi, ketenteraan, kerjasama dalam pendidikan dan bantuan keselamatan

Isi-isi Penting:

1. **(UK)- Perintis Idea Penubuhan Komanwel**

Sumbangan utama United Kingdom ialah **perintis menubuhkan Pertubuhan Komanwel**. Pertubuhan ini dianggap sinonim dengan United Kingdom dan boleh dianggap sebagai pengasas dan ketua Komanwel. Pertubuhan ini bermatlamatkan menggalakkan kerjasama dalam bidang bidang politik, ekonomi dam sosial dalam kalangan negara angggta selain daripada memaju dan menyelesaikan masalah bersama . Antara negara-negara yang menjadi anggota Komanwel adalah Australia, New Zealand, Kanada, India dan Malaysia. Jelaslah bahawa United Kingdom memberikan sumbangan utama dalam penubuhan Komanwel ini.

2. **Pembangunan Negara BekasTanah Jajahan British**

Seterusnya dalam Komanwel United Kingdom berperanan **membangunkan tanah jajahannya** yang ketinggalan dalam bidang ekonomi. Pembangunan ekonomi ini dapat dicapai dengan mewujudkan kerjasama dengan negara-negara anggota demi kepentingan bersama. Negara-negara Komanwel menjalinkan kerjasama dalam

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Sejarah

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar